


## WP 9.1/2013 - SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER PERKHIDMATAN AWAM

Pegawai Awam yang sedang berkhidmat, dilantik secara tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan bagi setiap tiga (3) tahun dengan syarat pinjaman yang terdahulu telah diselesaikan.



Pembelian komputer baru termasuk perkakasan dan perisiannya. Komputer bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada 3 kategori seperti berikut:

- Komputer desktop;
- Komputer riba; dan
- Komputer tablet.

Perkakasan bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada 3 kategori seperti berikut:

- Mesin pencetak;
- Mesin pengimbas; dan
- Peranti pelbagai fungsi (*multifunction device*).

Maksimum sebanyak RM5,000.00 sahaja. Tertakluk kepada pengiraan jumlah potongan bulanan bagi bayaran balik tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan semua potongan gajinya hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok dan elaun-elaun.



### PERMOHONAN PEMBIAYAAN

- Borang permohonan pembiayaan komputer **LAMPIRAN A- KEW.317** - tiga (3) Salinan;
- Salinan penyata gaji terkini yang disahkan;
- Salinan kad Pengenalan yang disahkan;
- Salinan Penyata bank bagi pembayaran gaji yang disahkan;
- Sebutharga yang menyenaraikan butiran dan spesifikasi komputer, perkakasan dan perisian yang hendak dibeli.
- Pembekal komputer yang berdaftar berdasarkan undang-undang di Malaysia sama ada diperoleh secara terus atau atas talian (online) adalah diterima.
- Surat pengesahan sekiranya harga komputer yang dipohon melebihi jumlah pinjaman yang diluluskan.